



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 13 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	POLEMIC POLITIK KETIKA PANDEMIK COVID-19 RUGIKAN RAKYAT, UM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	HANYA TIGA PREMIS DIBENAR LAKSANA KORBAN, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -23 ELAK CETUS KLUSTER KORBAN, DALAM NEGERI, UM -3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4. 5.	HOPING FOR SAFE LANDING, MUKA DEPAN, THE STAR -1 TURTLE HABITAT AND SURROUNDING AREAS NEED TO BE PROTECTED, SAYS GROUP, NEWS, THE STAR -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	JUAL IKAN BEKOK TAMBAH PENDAPATAN, DALAM NEGERI, UM -28	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	FISHERMEN CUT PRICES TO SELL THEIR CATCH, NEWS, THE STAR -4 SETIU JADI GEDUNG PENGELUARAN MAKANAN, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -25 JAMU PEKERJA MAKAN DURIAN DI DUSUN, DALAM NEGERI, UM -25 SHOPEE BANTU PETANI, NELAYAN, BISNES SINAR, SH -31 SHOPEE HELPS MICRO BUSINESSES PAY IT FORWARD TO FARMERS, NEWS WITHOUT BORDERS, NST -3 SWEET SUCCESS, NEWS WITHOUT BORDERS, NST -3 KINABALU MOUNTAIN GUIDES TURN TO FARMING FOR SURVIVAL, NEWS WITHOUT BORDERS, NST -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Polemik politik ketika pandemik Covid-19 rugikan rakyat



RONALD Kiandee (tiga kiri) menyampaikan bantuan bakul makanan kepada salah seorang penerima di Kampung Pulau Keniogan, Beluran semalam.

BELURAN: Peruntukan RM300,000 kepada semua ahli Parlimen termasuk pembangkang membuktikan keutamaan kerajaan ketika ini adalah membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Peruntukan bakul makanan dibawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) itu jelas menunjukkan kerajaan mengenyahkan perbezaan politik untuk bersama-sama memikul tanggungjawab membantu rakyat.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, polemik politik ketika pandemik hanya akan merugikan rakyat dan negara maka, fokus perlu diberikan untuk menangani penularan wabak Covid-19.

“Kerajaan mengambil pendekatan untuk terus fokus menguruskan Covid-19 secara inklusif melalui pendekatan whole of government dan whole of society dengan meletakkan kepentingan rakyat tanpa mengira siapa akan mendapat nama apabila kita berjaya memerangi pandemik Covid-19 ini,” katanya selepas penyerahan bantuan kepada nelayan di Kampung Pulau Keniogan, semalam .

Ahli Parlimen Beluran ITU turut melawat rumah nelayan yang rosak akibat kejadian ribut dan hujan lebat pada 5 Julai lalu.

Dalam lawatan itu, Ronald menyampaikan bantuan peralatan membaiki rumah melalui peruntukan Parlimen serta bantuan bakul makanan kepada 45 ketua isi rumah.

Jelas beliau, setakat ini, Pejabat Parlimen Beluran sudah mengagihkan 20,000 bantuan bakul makanan di bawah Pemulih. Bantuan itu diharap dapat membantu mengurangkan bebanan penduduk setempat.

Mengulas lanjut katanya, sebanyak 200 buah rumah nelayan akan dibaik pulih di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan bernilai RM3 juta yang akan dilaksanakan bermula Ogos ini.

Selain itu, tiga jeti nelayan di Jeti Kampung Munad II, Jeti Kampung Seri Menanti dan Jeti Kampung Keramat telah dibaik pulih dengan kos sebanyak RM150,000 manakala, 18 lagi jeti dan titian di sekitar kampung nelayan akan dibaik pulih, dinaik taraf dan dibina baharu oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

“Kerajaan sentiasa peka dengan kebajikan golongan nelayan yang banyak menyumbang kepada pengeluaran makanan negara.

“Justeru, kerajaan meningkatkan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) daripada RM250 kepada RM300 sebulan dan ia memberi manfaat kepada 35,000 nelayan, manakala Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND) juga telah dinaikkan kepada RM250 sebulan bermula Januari lalu yang memanfaatkan 3,400 nelayan darat berdaftar.

“Kedua-dua elaun ini memberi implikasi kewangan sebanyak RM151 juta setahun kepada kerajaan,” katanya.

Tambah beliau, kementerian itu akan memastikan kebajikan semua golongan sasaran termasuk golongan nelayan sentiasa terbela bagi memastikan kelancaran rantaian bekalan makanan semasa pandemik ini. -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR/KL	23

Hanya tiga premis dibenar laksana korban

Premis dibenarkan ialah rumah-sembelih veterinar, kandang ternak dan masjid di bawah JAIS

KLANG

Hanya tiga premis di Selangor dibenarkan untuk menjalankan sembelihan bagi aktiviti ibadah korban sempena perayaan Aidiladha yang akan disambut umat Islam 20 Julai ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata premis yang dibenarkan ialah rumah-sembelih veterinar atau rumah-sembelih swasta serta ladang atau kandang ternak yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor

(JPVS) dan masjid di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

“Mana-mana pihak atau badan bukan kerajaan (NGO) mesti menjalankan (sembelihan) di tempat ini dan perlu berdaftar serta mendapat kebenaran pihak berkuasa terlebih dahulu.

“Jika melalui masjid, pihak pengurusan akan daftarkan nama itu dengan pejabat agama Islam daerah (PAID) (di bawah JAIS) manakala untuk yang dua lagi boleh terus kepada JPVS,” katanya ketika ditemui pemberita selepas penyerahan memorandum bantahan wakil penduduk Sri Mersing, Taman Sri Andalas di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Klang pada Isnin.

Mohd Zawawi berkata berhubung status perkembangan proses vaksinasi kepada petugas iba-



MOHD ZAWAWI

dah korban, beliau berkata pihaknya hanya mensyaratkan sekurang-kurangnya mereka telah selesai mendapat satu dos suntikan.

Terdahulu, Mohd Zawawi berkata, hasil perbincangan pihaknya bersama PKD Klang pada Isnin bersetuju

bagi menyemak semula lokasi Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Dewan Sukan Taman Sri Andalas, dekat sini yang didakwa lokasi hampir dengan perumahan penduduk di kawasan itu.

Jelasnya, PKD tersebut akan segera melakukan penambahbaikan antaranya mengawal keadaan lalu lintas, menguatkuasakan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dan menyediakan lokasi tempat letak kereta bersesuaian untuk pesakit yang hadir ke CAC tersebut. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Patuh SOP semasa melaksanakan ibadah korban

Elak cetus kluster korban

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Umat Islam di negara ini diminta mengambil langkah waspada ketika menyambut Hari Raya Aidiladha dengan mengelak daripada berkumpul dalam jumlah ramai terutama ketika melaksanakan ibadah korban.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, negara masih dalam pandemik Covid-19 dan risiko penularan jangkitan boleh berlaku, apatah lagi jika ada perhimpunan ramai.

Justeru, katanya, semua pihak perlu mematuhi ketat prosedur operasi standard (SOP) ibadah korban seperti yang diumumkan baru-baru ini sebagai panduan dalam meraikan perayaan Aidiladha yang disunatkan dengan ibadah penyembelihan haiwan korban.

"Kita juga memohon tidak ada kunjungan dari rumah ke ru-



ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI

mah atau mengadakan kenduri ketika hari raya bagi mengelak perkumpulan ramai walaupun dalam kalangan anak-beranak sendiri.

"Kita tidak mahu wujud semula kluster perayaan atau kali ini mungkin kluster korban. Jadi kita minta masyarakat sama-sama mengambil tanggungjawab menjaga diri masing-masing. Berkorbanlah demi nyawa diri dan ahli keluarga," katanya di sini semalam.

SOP ibadah korban diwartakan Majlis Keselamatan Ne-

gara (MKN) atas nasihat mufti seluruh negeri melalui Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang baru-baru ini.

Bagaimanapun, sebarang ketetapan tertakluk kepada bidang kuasa negeri sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Antara SOP yang ditetapkan ialah pelaksanaan ibadah korban dibenarkan bermula pukul 6 pagi sehingga 6 petang dengan kehadiran tidak melebihi 10 individu termasuk petugas.

Proses penyembelihan dibenarkan hanya di 27 rumah sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), 35 rumah sembelihan ruminan swasta yang dilesenkan JPV dan masjid serta surau dengan kelulusan pihak berkuasa berkaitan seperti JPV, pihak berkuasa agama dan Pusat Kesihatan Daerah (PKD).

Haiwan disembelih tidak boleh lebih lima ekor sehari dengan proses potongan dan pembungkusan hendaklah di tempat lapang yang tidak menyebabkan

berlaku kesesakan.

Mengikut rekod, bermula 13 Mei sehingga 10 Jun lalu terdapat sebanyak 60 kluster perayaan yang berpunca daripada sambutan Hari Raya Aidilfitri (58 kluster) dan Hari Gawai (dua kluster) dilaporkan.

Sebanyak 13,023 individu disaring dalam kluster ini, yang mana terdapat 3,511 kes Covid-19 dikenal pasti seterusnya menjadikan kadar positif adalah sebanyak 27.0 peratus.

Daripada jumlah 3,511 kes tersebut, 20 kematian dilaporkan.

Dalam pada itu, Zulkifli berkata, umat Islam diminta menghayati hikmah ibadah korban yang mendidik manusia untuk berkongsi rezeki dan nikmat yang dikurniakan Allah SWT.

Bertepatan dengan suasana semasa pandemik Covid-19, beliau memberitahu, ramai yang memerlukan bantuan makanan.

"Maka saat inilah daging korban diagihkan seadilnya kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Hoping for safe landing

The future of Perak's main turtle-nesting site in Segari, Manjung is at risk as plans to gazette the 7km stretch as a protected area has dragged on since 2013

By **MANJIT KAUR**
manjit@thestar.com.my

THE Perak government should expedite plans to gazette the turtle-landing site in Segari, Manjung as a protected area, environmentalists say.

Non-governmental organisation Sahabat Alam Malaysia (SAM) field officer Meor Razak Meor Abdul Rahman said environmental groups have been pushing for the coastal area from Pantai Pasir Panjang to Tanjung Hantu – the main turtle-landing site in Perak – to be gazetted since 2013.

SAM, he said, has been organising activities such as beach cleaning, release of turtle hatchlings as well as planting of *ambong-ambong* (sea lettuce) saplings to create awareness of the site's importance over the past eight years.

"We are worried as nothing is moving in terms of plans to gazette the area.

"If we refer to the National Physical Plan, the areas in and around the 270ha Tanjung Hantu forest reserve are categorised as Environmentally Sensitive Area (ESA) (Rank 1 and 2), which are protected places where no development is allowed except for low-impact nature tourism.

"In a meeting with Perak Menteri Besar Datuk Saarani Mohamad in February, we raised the issue about the importance of gazetted the area and provided an in-depth presentation," Meor Razak told *StarMetro*.

SAM also brought up the state government's approval for the construction of two industrial projects in the 2,600ha Segari-Melintang Forest Reserve, which Meor Razak said could endanger

the site.

He said Saarani was informed about their concerns over the proposed projects to set up a gas plant on a 60ha land as well as an iron and steel mill on a 202.35ha plot at the forest reserve.

"Both proposed projects could harm the environment and the fishing industry there.

"The projects are also located in the ESA Rank 1 zone at the current turtle-landing site, and goes against the National Forest Policy," said Meor Razak.

"Our concern is not just limited to the coastal stretch (landing site), but also the surroundings that are covered with forests and natural terrestrial areas.

Turtle beach:
The beautiful Pantai Pasir Panjang, which is part of the turtle-landing site in Segari.

Back to sea:

A volunteer releasing baby turtles near Segari Turtle Conservation and Information Centre in March last year.

> TURN TO PAGE 3

Turtle habitat and surrounding areas need to be protected, says group

> FROM PAGE 1

"Over the years, sections of the forest and natural terrestrial areas in Segari have been destroyed due to parts of the permanent reserved forest (PRF) being excised, encroached upon as well as illegal cleared," he added.

The long-time environmental activist said it was pointless to have the multi-million-ringgit Segari Turtle Conservation and Information Centre, under the purview of the Fisheries Department, when the landing site was not protected.

"If no turtles are coming to lay eggs in the future, how is the centre's staff going to collect the eggs, bring them back to the centre and release the baby turtles back to sea after the hatching process," Meor Razak questioned.

Forest under threat

According to SAM, the Tanjung Hantu and Segari Melintang forest reserves are home to unique flora and fauna which should be preserved.

They contain both coastal forest and hill forest and are home to two endangered dipterocarp tree species: *Shorea glauca* (Balau Laut), currently listed as "endangered", and *Shorea lumutensis* (Balau Putih), listed as "critically endangered" and only found in Malaysia.

However, the forest reserves have come under threat from encroaching development and illegal activities.

Meor Razak said the nearby Pasir Panjang recreational forest was also abandoned, and its surroundings unkempt.

"The existing basic amenities, especially the gazebos are mostly damaged, and most of the *Casuarina Equisetifolia* trees grown there are destroyed.

"The recreational forest has the potential to become an eco-tourism area because it is still beautiful," he said.

He reiterated that the existing land along Pasir Panjang coast, and the surrounding areas – especially Tanjung Hantu and Segari Melintang – should be maintained as a tourism zone and permanent reserve forest.



Just-hatched baby turtles placed in a pool at the Segari Conservation and Information Centre.



Meor Razak: It is pointless to have the Segari Turtle Conservation and Information Centre when the landing site is not protected.

Gazetting in the process

Perak Fisheries Department director Zaki Mokri, when contacted, said the department, together with Manjung District and Land office, was in the process to ensure that the 7km (Pantai Pasir Panjang-Tanjung Hantu) stretch is gazetted.

"The 500m site where the centre is located has been gazetted, while the 400m area of Teluk Ketapang in Pulau Pangkor (another turtle-landing site) has also been gazetted to set up another conservation centre there.

"So the next step is to gazette the landing site in Segari, which is on the way," he assured.

Zaki said that among the turtle species that land on the coast of Perak, which covers the landing site in Segari and Pulau Pangkor,



SAM has conducted 'ambong-ambong' planting exercises at Pantai Pasir Panjang. The plant is part of the green turtle's diet.

are the Agar (green turtle) and Lipas (olive ridley) turtles.

He said that from 1990 to 2020, a total of 3,335 turtles landed at both sites, with 347,553 eggs laid.

For this year, he said that so far only two turtles had come to the sites, and laid a total of 497 eggs.

"The hatching rate is between 45% and 65%," he added.

Zaki explained that in the early 1980s, the Fisheries Department identified Pasir Panjang beach as the main landing site for turtles to lay eggs in the state.

"In 1989, the department in collaboration with the state government established the turtle conservation management centre in Segari on a 2.5ha land area.

"The centre serves to implement publicity programmes, to conduct research, hatching and management of turtles in the state.

"The department has also established another turtle landing site in Teluk Ketapang in Pulau

Pangkor, and we are in the process of establishing a conservation and information centre as well," he added.

Zaki said that generally, the threats to turtles included people hunting them and collecting their eggs for food.

He said many of these marine reptiles also died after getting trapped in fishing nets, as well as due to the destruction of natural habitats and breeding sites.

"Also rubbish and chemical waste pollution in the ocean, as well as uncontrolled development of coastal areas are among the threats faced by the turtles," he added.

StarMetro attempted to get further clarification from the Menteri Besar's office and state environment and green technology committee chairman Mohd Akmal Kamarudin regarding gazetting the landing site but had not received any response.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28



ROHANI Ya menjemur sebahagian ikan seliat yang ditempah pelanggan di Kampung Kubang Golok, Bachok, Kelantan, baru-baru ini.

Jual ikan bekok tambah pendapatan

Oleh **TOREK SULONG**
 utusannews@mediamulla.com.my

BACHOK: Walaupun pernah ditipu orang tengah, ia tidak mematahkan semangat isteri seorang nelayan di Kampung Kubang Golok di sini untuk bangkit mengusahakan produk ikan bekok atau sebutan sebenarnya ikan bengkak.

Rohani Ya, 51, berkata, jualan ikan bekok yang diusahakannya laris dijual secara dalam talian, sekali gus turut membantu nelayan pantai menjual hasil tangkapan mereka.

Berkongsi pengalaman bersama *Utusan Malaysia*, katanya, sebelum ini ada pemborong yang sanggup menipu proses jual beli tanpa mengira keringat

pengusaha kecil sepertinya. "Saya mulakan perusahan kecil ini dengan modal RM50 untuk membeli ikan dan garam selain hasil tangkapan yang dibawa pulang suami, Shaari Zakaria, 53, nelayan sepenuh masa yang turun pagi pulang petang.

"Niaga pun pada waktu itu secara kecil-kecilan, namun semakin rancak apabila negara dilanda pandemik Covid-19 dan permintaan dalam talian amat memberangsangkan," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini, baru-baru ini.

Rohani berkata, dia mendapat bantuan anak dan menantu mempromosikan ikan bekok dalam internet dan menggunakan beberapa aplikasi media sosial.

Menurutnya, proses menyiang, peraman garam dan menjemur ikan dibuat sendiri termasuk kerja-kerja membungkus sebelum diposkan kepada pelanggan.

"Saya menyimpan ikan tersebut dalam sebuah peti sejuk beku yang kecil. Saya ada memohon bantuan mendapatkan peti sejuk lebih besar daripada pihak bertanggungjawab untuk membesarkan kapasiti projek tetapi tiada sebarang jawapan.

"Saya juga amat mengharapkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tampil menilai dan memberi khidmat nasihat dan yang lebih diperlukan membantu menghulurkan peti simpanan sejuk beku sekiranya ada peruntukan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2021	THE STAR	NEWS	4

Fishermen cut prices to sell their catch

By ZAZALI MUSA
metro@thestar.com.my

COASTAL fishermen in south Johor have reduced the price of seafood since May.

Customers were now enjoying a reduction of between 10% and 20%.

Johor South Fishermen Association chairman Azli Mohd Aziz said the decision to reduce prices was made after considering the hardship faced by people as a result of the Covid-19 pandemic and movement restrictions.

"The most important thing is to sell our catch," Azli said when met at Pasar Nelayan in Kampung Pasir Gudang Baru, Pasir Gudang.

He added that although they were making less profit following the reduction, it was better than leaving their catch unsold.

Azli clarified that fishing activities remained the same during Phase One of the National Recovery Plan, save for the fact that they were having problems selling their goods.

"We were also supplying seafood restaurants but they are closed as dine-in is not allowed," he said, adding that they now depended on walk-in customers only.

Azli expects the catch to dwindle from now until September due to the change in wind direction.

Sea conditions along the west coast of the peninsula would be choppy and strong winds could endanger coastal fishermen, he said.

"Most of us will choose not to go out to sea for the next three months due to bad weather," Azli said.

Beginning this month, all fisher-



Azli (right), seen here with his assistant Amirul Azizi at Pasar Nelayan in Kampung Pasir Gudang Baru, solely depends on walk-in customers these days. — Photos: ZAZALI MUSA/The Star

men in Johor are required to paint their boats light blue, as directed by the state Fisheries Department.

"The boat colour coding system is to differentiate between licensed and unlicensed fishermen" Azli explained.

This will allow the authorities to detain unlicensed fishermen who do not have permission to fish, including those from other states who have encroached into Johor waters as each state has a different boat colour.

Azli added that the department had distributed paint to each fishermen for this purpose.

There are some 2,500 coastal fishermen in south Johor and their fishing areas are within 10 nautical miles covering Tanjung Piai, Iskandar Puteri, Pulau, Johor Baru, Pasir Guang and Tebrau.



Fishermen in Johor are required to paint their boats light blue beginning this month as directed by the Johor Fisheries Department.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	25

Setiu jadi Gedung Pengeluaran Makanan

SETIU - Kerajaan negeri Terengganu mengisytiharkan daerah Setiu sebagai Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu sekali gus menjadi salah satu pemangkin kepada ekonomi negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, keputusan itu dibuat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 16 Jun lalu dan satu jawatankuasa khas turut dibentuk.

Menurutnya, Jawatankuasa Bertindak Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu yang dipengerusikan Pegawai Daerah Setiu dan dianggotai ketua jabatan berkaitan diwujudkan bagi menggerakkan Setiu sebagai Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu.

“Tugas jawatankuasa ini adalah untuk menyediakan pelan tindakan, mengenal pasti tanah-tanah untuk dimasukkan dalam program ini dan memproses permohonan melibatkan program Setiu se-

bagai Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Penuaian Ubi Vitato di pusat tanaman ubi vitato secara berkelompok di Kampung Banggol, Permaisuri, di sini pada Isnin.

Dr Azman berkata, Setiu dipilih sebagai Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu kerana daerah ini mempunyai kira-kira 1,214 hektar tanah terbiar.

Selain itu katanya, Setiu juga mempunyai tanah pertanian berskala komersial termasuk tanah kerajaan atau tanah yang diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara untuk kegunaan pertanian.

“Pada ketika ini terdapat 2,104 hektar tanah yang telah diwartakan di bawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara yang dikhususkan untuk aktiviti pertanian sama ada penternakan atau tanaman,” kata beliau.

Dr Azman (tiga dari kiri) menunjukkan ubi vitato yang ditanam peserta tanaman di tanah seluas 28 hektar di Setiu pada Isnin.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	25

Jamu pekerja makan durian di dusun

JERAI: Pengasas syarikat penternakan, pemprosesan dan pengedaran ayam, Bismi Empire Sdn. Bhd (Ayam Bismi) mengusahakan dusun durian kira-kira dua hektar di Jerai Geopark di sini semata-mata untuk 'menjamu' pekerja mereka.

Menurut Jaffri Ahmadi, beliau dan isterinya, Mazlina Kamarudin membeli dusun berkenaan pada 2014 yang mempunyai pelbagai variasi durian berkualiti atau lebih popular dengan 'durian kayangan' seperti Musang King, duri hitam, bantai emas, tekka, udang merah, kancing baju dan chanee.

"Kami tak jual, durian di sini gred A, kalau nak jual orang nak sangat tapi tak apalah. Tuhan bagi rezeki tempat lain dusun ini untuk 'jamu' pekerja, kenalan serta rakan-rakan sahaja," kata Jaffri ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Jaffri, beliau berharap dusun tersebut yang dinamakan sebagai Dusun Laman Bismi dapat mengeratkan silaturahim seluruh warga Ayam Bismi pada setiap kali musim durian.

"Tahun lepas kami berkelah beramai-ramai di sini sambil makan durian, tahun ini buah masak ketika PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) 3.0 tidak dapat nak berkumpul ramai-ramai cuma agihkan di pejabat untuk semua makan," katanya.



JAFFRI Ahmad dan **Mazlina** Kamarudin menunjukkan sebahagian variasi durian gred A di Dusun Laman Bismi, Jerai Geopark, Jerai, Kedah. - UTUSAN/ABD. RAZAK OSMAN

Sementara itu, Mazlina berkata, beliau ingin meneruskan tradisi lama berkumpul dan menikmati raja buah itu di dusun seperti orang dulu-dulu dalam kalangan pekerjanya.

"Kami harap tahun depan pandemik beransur pulih dan semua boleh berkumpul termasuk jemput pelanggan, ejen serta stokis Ayam Bismi sambil makan durian," kata Mazlina.

Dalam pada itu, menurut

salah seorang pekerjanya, Nur-fawiezatul Azna Abdul Nasir, 28, yang mengakui 'hantu durian', dia menghargai layanan majikannya itu yang disifatkan sukar ditemui.

"Durian-durian yang kami makan ini daripada berkualiti tinggi kalau nak beli memang mahal sangat dan bila ada majikan yang sudi jamu kami percuma seperti ini tentu rasa sangat beruntung," katanya.

Shopee bantu petani, nelayan

Jualan meningkat selepas guna ciri-ciri ganjaran yang disediakan

KUALA LUMPUR

Bersandarkan niat utamanya untuk membantu penduduk kampung yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), seorang guru sains dari Sabak Bernam, Selangor, yang bakal bersara tidak lama lagi telah mengambil keputusan untuk mencebarkan diri dalam perniagaan menjual sambal pecal menerusi platform e-dagang Shopee, di samping meneruskan tugasannya hakikinya mengajar dari rumah.

Selain membantu meringankan bebanan perbelanjaan keluarganya yang semakin meningkat, Mohd Ghazali Anwar,

56, berkata beliau mahu menjual produk bersumbangkan daripada hasil petani di kampungnya yang sekali gus dapat membantu meningkatkan mata pencarian mereka serta golongan asnaf.

“Selain membuat persediaan bagi program pengajaran dan pembelajaran dari rumah, tidak banyak benda yang saya boleh lakukan di rumah. Oleh itu, saya memutuskan untuk mengisi masa lapang saya dengan menjual sambal pecal di Shopee dengan bantuan isteri saya Hafizoturrifaqih Supeni,” katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Ghazali membelanjakan kira-kira RM500 untuk membeli bahan mentah seperti cili, bawang dan kacang daripada penduduk kampungnya dan apa yang menerujkannya adalah beliau berjaya menjual lebih 10 botol dalam masa sebulan perniagaannya Baiworld Kitchen beroperasi di Shopee.

Menurutnya, jualanannya meningkat enam kali ganda selepas



beliau menggunakan beberapa ciri-ciri ganjaran yang disediakan kepada penjual seperti 'shopee Ads', 'Coin Cashback' dan 'Free Shipping'.

Seorang lagi usahawan dari Terengganu, Ermie Adnan, 34, berkata beliau mengalihkan perniagaan keropok lekornya daripada laman Facebook ke platform Shopee pada Hari Raya Puasa tahun lepas dan sejak itu perniagaannya terus mencatatkan kejayaan dan meraih jualan kira-kira RM25,000 sebulan.

Ermie, yang sebelum ini bekerja dalam industri minyak dan gas, kini menghasilkan keropok lekornya daripada ikan yang diperoleh terus daripada nelayan di Johor, Kelantan dan Terengganu.

“Produk saya habis dijual dalam masa empat hari selepas saya

membuka kedai di Shopee, Lekor Pok Loh. Saya menerima pesanan dari seluruh Malaysia sehingga sejauh Sabah dan Sarawak,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Kanan (Pembangunan Perniagaan) Shopee Malaysia Zed Li berkata, perkongsian kisah tersebut juga bukanlah sesuatu yang terpecil.

“Kami juga tahu mengenai banyak lagi kisah positif mengenai ada kehidupan peniaga yang berubah dengan impak kecil mahupun besar ke atas masyarakat.

“Ada kisah mengenai kalangan ibu tunggal, ketua keluarga yang hilang pekerjaan, suri rumah yang mahu membantu menampung perbelanjaan keperluan rumah, belia menganggur, kalangan orang kurang upaya yang beralih memanfaatkan Shopee (sebagai platform) untuk mendapatkan sumber mata pencarian demi diri sendiri, keluarga, rakan dan masyarakat,” katanya.

Sejajar usaha untuk membantu lebih ramai penjual di Shopee, platform itu turut menjadi penaja bersama Kempen 'Go eCommerce Onboarding' (Memfaatkan e-Dagang) bersama Kementerian Kewangan dan Malaysia Digital Economy Corporation bagi membantu perusahaannya mikro, kecil dan sedertana dan usahawan berniaga secara dalam talian.

“Dalam inisiatif 'Go eCommerce' ini, kami akan menyediakan manfaat sehingga RM3,000 kepada penjual sedia ada dan baharu untuk membolehkan mereka menebus baucar kedai, menerusi program ganjaran 'Coins Cashback' serta penghantaran percuma,” katanya.

Li berkata, bantuan itu bersempena dengan pendedahan oleh masarakan yang disediakan oleh Shopee, dapat membantu dari segi mengetengahkan kedai perniagaan selain menggalakkan pembelian mendapatkan produk jualan tersebut. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2021	NST	NEWS IN BRIEF	3



SWEET SUCCESS...
Terengganu Agriculture, Food Industry, Plantation, Commodity and Rural Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim (centre) showing the VitAto, a special variety of sweet potato to successfully cultivated by some 70 farmers in Kampung Banggol Setu, yesterday. On the left is Setu district officer Rosli Latif. - **BERNAMAPIX**

Shopee helps micro businesses pay it forward to farmers

KUALA LUMPUR: A soon-to-retire teacher's effort to help farmers in his village in Sabak Bernam has turned into a very profitable enterprise for him.

Mohd Ghazali Anuar, 56, said he started a home-based business selling "sambal pecal", a traditional chilli paste by using ingredients supplied by the farmers. They include chillies, onions and peanuts that his fellow villagers cultivate.

"Many of them have lost their income because of the movement control order and are depending on zakat aid," he said.

Ghazali said he and his wife Hafizaturrahmah Supeni started with a RM500 investment and were delighted when they managed to sell 10 bottles of the paste on Shopee within a month.

Since then his enterprise, called Baiworld Kitchen, has diversified into home-made snacks. The couple now make an average of RM30,000 in sales each month.

Another entrepreneur from Terengganu, Ermie Adnan, 34, said he moved his online "keropok lekor" business from Facebook to Shopee around Hari Raya Puasa last year and now makes RM25,000 per month.

Ermie, who previously worked in the oil and gas industry, gets his fish, the main ingredient for the cracker, from fishermen in Johor, Kelantan and Terengganu.

Shopee has joined the Finance Ministry and the Malaysia Digital Economy Corp to help micro, small and medium-size enterprises go online. Those who are interested can apply at shopee.com.my/goecommerce from now until Nov 30, 2021. - **Bernama**

Kinabalu mountain guides turn to farming for survival

KOTA KINABALU: As all hiking activities at Mount Kinabalu have been suspended due to the Covid-19 pandemic, some mountain guides have turned to cultivating fruits and vegetables to generate income.

One of them, Abdul Hasnin Kasim, 49, from Kundasang, said he has been growing highland vegetables such as broccoli and

cauliflower on a 0.5ha plot since the first movement control order (MCO) in March last year.

He said although the income from selling vegetables was inconsistent, it at least could help sustain his family while waiting for climbing activities to be allowed to resume.

"I sell vegetables in Kundasang town and earn RM400 to RM500 a

month. It is a small sum, but I am thankful that I still have the means to continue living," he told Bernama.

Abdul Hasnin, who has been a guide for 16 years, said he looked forward to the day when people can climb the mountain again.

Another mountain guide, Japarin Ginsos, 43, said he took advantage of the MCO periods to grow pineapples,

and sold them around Kota Belud, Ranau and Kota Kinabalu, for between RM1.80 and RM2 a kg.

Japarin, from Kota Belud, started planting pineapples after the first MCO was implemented, and within a year he was able to harvest the fruits to sustain his family.

He said he could harvest about 200kg of the fruit a month, which

translated into an income of RM500.

A colleague of Japarin, Suzana Bulangai, 48, has also resorted to growing pineapples to make ends meet. She hopes the vaccination programme in Sabah would run smoothly to enable the herd immunity target to be achieved, so that tourism activities can resume soonest. - **Bernama**